

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, July 18, 2019 2:32 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Audit Dalaman SETARA Pastikan Data Berkualiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 JULAI 2019 / 15 ZULKAEDAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Hairil Azuin Md Akil
Gambar oleh: Institut Pengurusan Kualiti (IPQ)

AUDIT DALAMAN SETARA PASTIKAN DATA BERKUALITI



UUM ONLINE: Bagi memastikan data yang akan dihantar ke Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berkualiti, Bahagian Perancangan Korporat, Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah menjalankan audit dalaman Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Awam (SETARA) 2019 di Bilik Mesyuarat, Jabatan Hal Ehwal Akademik, baru-baru ini.

Pengarah IPQ, Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar berkata, audit dalaman tersebut telah dijalankan oleh empat juruaudit dalaman yang dilantik iaitu Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan, Prof. Dr. Razamin Ramli; Pengurus Jaminan Kualiti Akademik, IPQ, Dr. Ku Maisurah Ku Bahador; Timbalan Pengarah Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti, Dr. Izwan Nizal Mohd Shahraneer dan Pengarah Unit Swaakreditasi Universiti, Prof. Madya Dr. Salniza Md. Salleh.

Menurutnya, universiti akan menghantar data yang diperlukan untuk SETARA itu ke KPM pada 29 Julai ini, justeru audit dalaman diperlukan supaya setiap data yang dihantar akan menepati syarat, standard dan berkualiti.

"SETARA 2019 menilai beberapa kriteria antaranya keupayaan pensyarah, kewangan yang kukuh, kualiti pengajaran dan pembelajaran serta hasil penyelidikan dan inovasi.

"SETARA adalah penilaian yang mengukur kemampuan universiti awam di peringkat kecemerlangan negara dan setara dengan penanda aras di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, objektif SETARA adalah untuk membantu universiti membina asas yang kukuh dalam tiga fungsi utama iaitu pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan melalui penilaian mengikut metrik kriteria.

Menurutnya, penarafan SETARA sangat penting kerana UUM boleh memperbaiki sebarang kelemahan serta mengambil pendekatan strategik bagi meningkatkan prestasi menyeluruh universiti.

SETARA hanya menilai universiti yang berusia lima tahun ke atas dan dalam penilaian SETARA, UUM dikategorikan dalam '*mature university*' bagi kategori universiti melebihi usia 16 tahun.

UUM telah mencapai taraf lima bintang pada SETARA 2017.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.